

18/08/2002

Lawatan Dr Mahathir pererat hubungan Malaysia-Myanmar

Rejal Arbee

YANGON: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dalam rangka lawatan kerja dua hari bagi meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, termasuk kerjasama dalam bidang teknologi maklumat, perusahaan dan perdagangan.

Ini adalah lawatannya yang keempat ke negara ini sejak Mac 1988.

Hubungan Malaysia-Myanmar kini pada tahap yang baik tanpa ada masalah.

Malah tidak ada isu yang boleh menimbulkan perbalahan di antara kedua-dua negara, kata seorang diplomat kanan di sini.

Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC) yang juga Perdana Menteri, Jeneral Kanan Tham Swee, setibanya di sini, petang ini.

Lawatannya dianggap penting dalam rangka mewujudkan suasana lebih terbuka di negara ini yang mula berjinak-jinak untuk membuka pintu kepada pelaburan dan perdagangan antarabangsa hanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dr Mahathir juga diakui kerana perannya bagi membuka negara yang memencilkan dirinya dalam hubungan dengan dunia luar melalui jalinan konstruktif selepas ia menganggotai Asean pada 1997.

Usaha yang dilakukan oleh Tan Sri Razali Ismail, sebagai Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sedikit sebanyak berjaya memecahkan kebuntuan politik antara junta tentera SPDC yang memerintah dengan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), Aun San Suu Kyi.

Suu Kyi sejak Mei lalu dibebaskan dari kurungan dalam rumah yang dikuatkuasakan ke atasnya sejak September 2000.

Kebebasannya itu dianggap sebagai satu kemajuan dalam perkembangan politik dan demokrasi di negara ini.

Sempena lawatan Dr Mahathir itu, satu persidangan teknologi Malaysia-Myanmar dilangsungkan di Yangon, esok anjuran bersama Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (Might) dan SPDC.

Dr Mahathir akan memberikan ucap tama pada persidangan itu yang akan dihadiri lebih 400 peserta.

Rombongan Malaysia terdiri kira-kira 250 usahawan dan ahli korporat serta pegawai kerajaan juga akan hadir.

Pada sebelah petangnya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) mengatur perjumpaan persendirian antara pengusaha dan pedagang kedua-dua negara.

Pengurus Matrade bagi Asia-Afrika, Zainal Azman Abu Kassim, berkata 189 syarikat tempatan telah mendaftar diri menemui wakil hampir 30 syarikat Malaysia yang berada di sini sempena lawatan Dr Mahathir.

Sebelum berangkat pulang, Dr Mahathir akan melawat sebuah hospital di sini yang merawat pesakitnya secara tradisional menggunakan pelbagai herba.

Sebuah universiti khusus untuk mengkaji kaedah perubatan cara tradisi menggunakan herba sudah wujud di Mandalay, bandar kedua terbesar di Myanmar.

Malaysia berharap dapat mempelajari kaedah ini daripada pengalaman yang dilalui Myanmar.